



KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PELELONG
NEGERI PULAU PINANG**

**Berkuatkuasa mulai:
1 Ogos 2018**

Kandungan

1. Pengenalan
2. Skop Garis Panduan
3. Syarat-Syarat Kelayakan
4. Jawatankuasa Temuduga
5. Kesalahan Mengendalikan Aktiviti Lelongan Dan Tindakan Pembatalan Lesen
6. Borang Permohonan
 - i. Borang Permohonan Baharu
 - ii. Borang Pembaharuan Lesen Pelelong
 - iii. Borang Pertukaran Nama/ Alamat Syarikat
7. Carta Alir Proses Lesen Pelelong
8. Senarai Semak

1. Pengenalan

- 1.1 Permohonan Lesen Pelelong (baharu) telah dibekukan sejak 7 Mac 2005. Sehingga kini, Kerajaan Negeri hanya memperbaharui lesen bagi pemegang lesen pelelong sedia ada. Memandangkan terdapat permintaan yang tinggi, maka Kerajaan Negeri pada 1 November 2017 telah bersetuju untuk membuka semula permohonan lesen pelelong Negeri Pulau Pinang mulai tahun 2018.
- 1.2 Sehubungan itu, dokumen ini disediakan sebagai panduan kepada para pelelong semasa mengemukakan permohonan lesen baharu dan pembaharuan lesen kepada Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP). Fungsi garis panduan adalah seperti berikut:
 - i. Digunakan oleh PSUKPP atau pemohon secara seragam semasa memproses permohonan lesen lelongan di Negeri Pulau Pinang;
 - ii. Digunakan oleh agensi yang terlibat khususnya Bahagian Kerajaan Tempatan dalam memproses sesuatu permohonan; dan
 - iii. Membantu para pelelong mengetahui syarat-syarat dan peraturan permohonan yang perlu dipatuhi bagi menjalankan aktiviti pelelongan.

2. Skop Garis Panduan

Bagi memenuhi prinsip-prinsip di atas, manual permohonan ini perlu digunakan bersama-sama dengan Ordinan Lesen Pelelong 1906 (S.S. Cap.198) dan lain-lain peraturan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Pegawai Pelesen.

3. Syarat-Syarat Kelayakan

3.1 Syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut:

- a) pemohon hendaklah berusia di antara umur 21 hingga 65 tahun dan aktif menjalankan aktiviti pelelongan;
(pemohon lesen pelelong yang berusia melebihi 65 tahun dikehendaki menyertakan bukti aktiviti pelelongan yang telah dikendalikan sendiri oleh pemohon selama dua (2) tahun berturut-turut dan perakuan kesihatan oleh pegawai perubatan Kerajaan ataupun doktor swasta)
- b) Memiliki kelulusan sekurang-kurangnya Diploma dalam bidang pengurusan hartanah atau yang setaraf dengannya (bagi permohonan baharu sahaja);
- c) Menghadiri kursus berkaitan tatacara sebagai pelelong berdaftar yang dianjurkan di mana-mana insitusi yang berkelayakan (bagi permohonan baharu sahaja);

- d) Lulus temuduga (**bagi permohonan baharu sahaja**);
- e) Lulus tapisan keselamatan/keutuhan (SPRM, PDRM dan Insolvensi);
- f) Premis (kedai) perlu berdaftar atas nama pemohon dan sekiranya premis tersebut adalah di sewa, pemohon dikehendaki menyertakan bukti pemohon menyewa premis tersebut; (**kediaman adalah tidak dibenarkan**)
- g) Permohonan baharu dan pembaharuan lesen pelelong perlu dikemukakan kepada urusetia di Bahagian Kerajaan Tempatan selewat-lewatnya pada 31 Oktober setiap tahun. Kelewatan penyerahan borang permohonan mengikut ketetapan ini akan mengakibatkan permohonan tidak diproses untuk tahun berikutnya;
- h) Keutamaan akan diberikan kepada pemohon dari Negeri Pulau Pinang.

3.2 Bayaran untuk permohonan baharu dan pembaharuan Lesen Pelelong adalah sebanyak RM25.00 untuk setahun.

4. Jawatankuasa Temuduga

4.1 Jawatankuasa Permohonan Lesen Pelelong Negeri Pulau Pinang diwujudkan bertujuan untuk menjalankan sesi temuduga seperti yang dinyatakan pada syarat permohonan lesen pelelong di atas. Jawatankuasa ini terdiri daripada Pengerusi dan ahli panel seperti berikut:

- a) Pengerusi : Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Kerajaan Tempatan

- b) Ahli :
 - i. Ketua Penolong Pegawai Daerah
dan Tanah atau wakil (Gred 41
dan ke atas)
 - ii. Penilai Berdaftar, Jabatan
Penilaian dan Perkhidmatan
Harta (JPPH)

4.2 Keputusan temuduga ini akan diangkat untuk pertimbangan kelulusan YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang selaku Pegawai Pelesen seperti yang termaktub dalam Ordinan Lesen Pelelong 1906.

4.3 Mengikut Ordinan Lesen Pelelong 1906, keputusan Pegawai Pelesen adalah muktamad dan konklusif serta tidak boleh dipersoalkan atau berupaya dipersoalkan dimana-mana mahkamah.

5. Kesalahan Mengendalikan Aktiviti Lelongan dan Tindakan Pembatalan Lesen

5.1 Pelelong yang mengendalikan aktiviti lelongan tanpa lesen yang sah atau lesen tamat tempoh, telah melakukan satu kesalahan dibawah subseksyen 9(2) yang boleh didenda sebanyak RM1000.00, sebagaimana yang diperuntukan di dalam subseksyen 9(2) Ordinan Lesen Pelelong 1906.

5.2 Pegawai Pelesen adalah berhak untuk membatalkan lesen pelelong seseorang sekiranya didapati melakukan apa-apa kesalahan semasa menjalankan aktiviti lelongan, pecah amanah dan menyalahgunakan kuasa. Selain itu, lesen pelelong boleh dibatalkan sekiranya didapati pelelong tidak aktif menjalankan aktiviti pelelongan sekurang-kurang selama dua (2) tahun berturut-turut.

6. Borang Permohonan Lesen Pelelong

6.1 Permohonan lesen Pelelong hendaklah dibuat melalui borang seperti berikut:

- i) Borang Permohonan Baharu (**Lampiran A**)
- ii) Pembaharuan Lesen Pelelong (**Lampiran B**)
- iii) Borang Pertukaran Nama/ Alamat Syarikat (**Lampiran C**)

6.2 Borang permohonan boleh diperolehi melalui Portal Kerajaan Negeri Pulau Pinang www.penang.gov.my. (Masih dalam pertimbangan)

7. Carta Alir Pemohonan Lesen

Seperti di **Lampiran D**.

8. Senarai Semak

Pemohon dikehendaki menyertakan salinan dokumen-dokumen seperti di bawah semasa mengemukakan permohonan kepada urusetia. Senarai dokumen adalah seperti berikut:

a) Permohonan baharu

- i. Kad pengenalan
- ii. Sijil kelulusan akademik
- iii. Sijil kursus tatacara sebagai pelelong berdaftar
- iv. Borang 9 (SSM)

- v. Borang 24 & 49 (jika berkaitan)
- iv. Setem hasil bernilai RM25.00

b) Pembaharuan lesen

- i. Kad pengenalan
- ii. Borang 9 (SSM)
- iii. Borang 24 & 49 (jika berkaitan)
- iv. Laporan tahunan syarikat (Annual Return)
- v. Senarai aktiviti lelongan yang dijalankan bagi tahun semasa
- vi. Salinan Lesen Pelelong tahun semasa

Disediakan oleh:

**Bahagian Kerajaan Tempatan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang**